



**PERTANDINGAN
MENCIPTA LOGO DAN BENDERA
SEMPENA NAIK TARAF
MAJLIS PERBANDARAN KLANG
KEPADA
MAJLIS BANDARAYA KLANG**

8 April – 8 Mei 2023

SYARAT UMUM PENYERTAAN

1. Pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas, termasuk warga kerja Majlis Perbandaran Klang (MPK).
2. Penyertaan hendaklah dihantar secara dalam talian atau hantar terus ke:

E-mel:
unit.penerbitan@mpklang.gov.my

**Bahagian Penerbitan, Pusat Sumber (E-Library) MPK,
Pejabat Cawangan Majlis Perbandaran Klang,
Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang
Tel : +603 33758069**

sebelum atau pada **8 Mei 2023 (Isnin)** sebelum jam 5.00 petang.

3. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap diisi dengan butiran diri.
4. Semua logo dan bendera yang diterima akan menjadi **hak milik MPK** dan tidak akan dikembalikan.
5. MPK (Penganjur) berhak terhadap logo dan bendera yang dipilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai bagi maksud untuk digunakan, dimuat naik, dipamerkan, dicetak atau disiarkan dalam mana-mana platform, acara rasmi, laman sesawang dan bahan promosi lain yang difikirkan wajar tanpa perlu membuat sebarang notis atau bayaran kepada peserta.
6. Penganjur **BERHAK** mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang diterima sekiranya perlu.
7. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan, walau bagaimanapun hanya **satu (1)** rekaan terbaik peserta akan dipilih.
8. Peserta adalah bertanggungjawab memastikan reka bentuk adalah asli, rekaan baru dan hasil karya serta kreativiti sendiri serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.

9. Pihak pengajur tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.
10. Pemenang pertandingan akan dimaklumkan melalui surat, telefon, e-mel dan laman sesawang MPK.
11. Pengajur berhak untuk tidak memilih pemenang utama di kalangan peserta pertandingan sekiranya panel hakim memutuskan tiada peserta yang layak untuk dianugerahkan sebagai pemenang.
12. Keputusan panel hakim adalah muktamad.
13. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah tanggungjawab para peserta sendiri.

SYARAT PERTANDINGAN REKA BENTUK LOGO

1. Reka bentuk logo hendaklah dihasilkan menggunakan grafik komputer dan hendaklah:
 - a. dicetak di atas kertas bersaiz A3 berwarna putih berkualiti tinggi;
 - b. disediakan salinan lembut (*softcopy*) dalam format grafik *.ai (*Adobe Illustrator / Adobe Photoshop*), *.jpg atau *.png dengan resolusi minimum 1280 x 960 *pixel* dan dalam format *.pdf.
2. Reka bentuk logo mesti menggunakan 4 warna asas iaitu Kuning (emas), Hijau, Biru Muda (biru langit) dan Putih.
3. Reka bentuk logo hendaklah memasukkan elemen MPK sebagai:
 - a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang bertaraf Lima Bintang;
 - b. Bandaraya Idaman;
 - c. Bandaraya Warisan Pintar 2030;
 - d. Bandaraya Diraja; dan
 - e. Bandar Pelabuhan.

4. Peserta perlu melakukan penyelidikan tentang kesemua elemen tersebut bagi mendapatkan pemahaman, maklumat dan huraian lanjut.
5. Reka bentuk hendaklah melambangkan identiti Perbandaran Klang yang mempunyai ciri-ciri Bandaraya Idaman, Selamat dan Sejahtera serta dipenuhi dengan warisan.
6. Moto ‘Perpaduan Sendi Kekuatan’ dan nama ‘Majlis Bandaraya Klang’ dalam tulisan rumi bersama-sama nama ‘Majlis Bandaraya Klang’ dalam tulisan jawi wajib ada tertera di dalam logo.
7. Logo yang dicipta perlu disertakan dengan penerangan serta huraian di dalam bahasa Melayu di atas kertas A3. Jika panjang, peserta dibenarkan menggunakan helaian tambahan.
8. Setiap reka bentuk dan ciptaan logo hendaklah asli dan tidak mengandungi unsur-unsur elemen yang boleh menyentuh sensitiviti dan menyinggung mana-mana pihak.
9. Reka bentuk logo hendaklah menarik dan mampu menampakkan ciri-ciri Bandaraya Warisan Diraja, jelas, kemas dan mudah difahami.

SYARAT PERTANDINGAN REKA BENTUK BENDERA

1. Reka bentuk bendera hendaklah dihasilkan menggunakan grafik komputer dan hendaklah:
 - a. dicetak di atas kertas bersaiz A3 berwarna putih berkualiti tinggi dengan reka letak (*layout*) secara mendatar (*landscape*) berukuran 16 x 11 inci / 40 x 28 cm;
 - b. disediakan salinan lembut (*softcopy*) dalam format grafik *.ai (*Adobe Illustrator / Adobe Photoshop*), *.jpg atau *.png dengan resolusi minimum 1280 x 960 *pixel* dan dalam format *.pdf.
2. Reka bentuk bendera mesti menggunakan 4 warna asas iaitu Kuning (emas), Hijau, Biru Muda (biru langit) dan Putih.

3. Reka bentuk bendera hendaklah dapat melambangkan MPK sebagai:
 - a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang bertaraf Lima Bintang;
 - b. Bandaraya Idaman;
 - c. Bandaraya Warisan Pintar 2030;
 - d. Bandaraya Diraja; dan
 - e. Bandar Pelabuhan.
4. Peserta perlu melakukan penyelidikan tentang kesemua elemen tersebut bagi mendapatkan pemahaman, maklumat dan huraian lanjut.
5. Reka bentuk bendera juga hendaklah melambangkan identiti Perbandaran Klang yang mempunyai ciri-ciri Bandaraya Idaman, Selamat dan Sejahtera serta dipenuhi dengan warisan.
6. Moto ‘Perpaduan Sendi Kekuatan’ dan nama ‘Majlis Bandaraya Klang’ dalam tulisan rumi bersama-sama nama ‘Majlis Bandaraya Klang’ dalam tulisan jawi wajib ada tertera di dalam bendera.
7. Bendera yang dicipta perlu disertakan dengan penerangan serta huraian di dalam bahasa Melayu di atas kertas A3. Jika panjang, peserta dibenarkan mengguna helaian tambahan.
8. Setiap reka bentuk dan ciptaan bendera hendaklah asli dan tidak mengandungi unsur-unsur elemen yang boleh menyentuh sensitiviti dan menyinggung mana-mana pihak.
9. Reka bentuk bendera hendaklah ringkas, menarik dan mampu menampakkan ciri-ciri Bandaraya Warisan Diraja.
10. Reka cipta bendera yang MENANG dalam pertandingan ini TIDAK SEMESTINYA menjadi bendera rasmi kerana tertakluk kepada pengesahan serta kelulusan pihak Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

PENGADILAN

1. Setiap penyertaan akan dinilai daripada aspek konsep, kreativiti dan keaslian.
2. Keputusan pemilihan oleh pihak urus setia adalah muktamad.

HADIAH PEMENANG LOGO

Hadiah Utama : Wang Tunai RM2000.00, Piala dan Sijil

9 Hadiah Sagu Hati: Wang Tunai RM200.00 setiap seorang
dan Sijil Penyertaan

HADIAH PEMENANG BENDERA

Hadiah Utama : Wang Tunai RM2,000., Piala dan Sijil

9 Hadiah Sagu Hati: Wang Tunai RM 200.00 setiap seorang
dan Sijil Penyertaan

PENERANGAN LOGO ASAL MAJLIS BANDARAYA KLANG



1. PERISAI WARNA HIJAU

Melambangkan kawasan Klang yang subur dan menghijau secara produktif

2. MAHKOTA DIRAJA

Bunga Mahkota pada perisai dan di atas dua batang tombak bersilang melambangkan Institusi Diraja

3. JALUR WARNA EMAS DAN HIJAU

Melambangkan aliran Sungai Klang

4. JATA NEGERI

Jata negeri Selangor dijulang dengan megah oleh dua ekor rusa Sambar jantan

5. RUSA SAMBAR

Dua ekor rusa Sambar jantan yang agresif dan gagah perkasa memegang perisai, payung dan jata negeri melambangkan ketegasan MPK

6. PAYUNG

Merupakan payung yang melambangkan Klang sebagai Bandar Diraja dan pernah menjadi ibu negeri Selangor

7. KOTA RAJA MAHADI

Melambangkan kekayaan sejarah silam Klang

8. TIGA JONGKONG TIMAH

Melambangkan sumber warisan asli Klang dan punca utama ekonomi Klang iaitu bijih timah

9. Mahkota Diraja, Sungai Klang dan Kota Raja Mahadi pada perisai membawa maksud MPK akan sentiasa memartabatkan Bandar Diraja, alam sekitar dan warisan

10. WARNA ASAS (*core colors*)

Hijau, Biru Muda (melambangkan Sungai Klang) & Kuning (Emas)

11. MOTIF BIRU MUDA DAN BIRU TUA

Kedua motif di bahagian bawah logo ini membawa maksud bidang kuasa MPK termasuk daratan dan laut



BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN BENDERA SEMPENA NAIK TARAF MAJLIS PERBANDARAN KLANG KEPADA MAJLIS BANDARAYA KLANG

A. BUTIRAN PESERTA:

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Jantina : Lelaki / perempuan
Alamat : _____
Poskod : _____ Negeri : _____
Pekerjaan : _____
Jabatan/ Bahagian/
Unit/ Agensi/ Institusi : _____
No. Telefon : _____ Emel : _____

B. KATEGORI (TANDAKAN / PADA KOTAK YANG BERKENAAN)

LOGO	<input type="checkbox"/>
------	--------------------------

BENDERA	<input type="checkbox"/>
---------	--------------------------

C. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya (seperti butiran di atas) mengakui bahawa idea, konsep dan reka bentuk logo/ bendera yang dihantar kepada pihak urus setia bagi maksud menyertai pertandingan **MENCIPTA LOGO DAN BENDERA BANDARAYA** merupakan hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan penganjur dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa-apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo atau bendera.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadikan hak milik **MAJLIS PERBANDARAN KLANG** sepenuhnya bagi digunakan dalam apa-apa jua cara dan saya tiada hak ke atas selepas ini.

Tandatangan : _____
Nama : _____
Tarikh : _____

**Nota: sila kembalikan borang yang lengkap
beserta rekaan logo/ bendera kepada :**

Bahagian Penerbitan,
Pusat Sumber MPK, Jabatan Komunikasi Korporat
Majlis Perbandaran Klang
Tel : 03 3375 8069
E-mel : unit.penerbitan@mpklang.gov.my